

LIBATKAN OKU DALAM TVET ALIRAN PERDANA

(Disabled Group Involvement in the Prime Flow of Technical and Vocational Education and Training (TVET))

Pada tahun 1988, dasar satu peratus pekerja orang kurang upaya (OKU) dalam sektor awam telah dilancarkan oleh kerajaan Malaysia. Dasar ini telah dikuatkuasakan melalui Pekeliling Perkhidmatan 2008 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010. Manakala dalam Rancangan Malaysia Ke-11, kerajaan telah menyatakan komitmennya untuk menawarkan 16,000 jawatan pekerjaan di sektor awam kepada komuniti OKU. Sempena Hari OKU Sedunia Peringkat Kebangsaan pada 3 Disember 2021, kerajaan Malaysia sekali lagi menzahirkan hasratnya untuk merealisasikan dasar satu peratus pekerja OKU dalam sektor awam. Berita Harian (2021) telah melaporkan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, telah mengumumkan bahawa pelaksanaan dasar ini akan dijadikan petunjuk prestasi bagi semua kementerian dan perlu dicapai pada penghujung tahun 2022.

Walau bagaimanapun, masyarakat umum telah dikejutkan dengan pendedahan yang dilakukan oleh Senator Datuk Ras Adiba Radzi semasa sidang Dewan Negara, Parlimen, Malaysia. Menurut laporan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama, 2021), beliau menyatakan bahawa hanya 0.4 peratus OKU telah diterima untuk berkhidmat dalam sektor awam. Padahalnya dasar pekerjaan bagi OKU di sektor awam telah diperkenalkan lebih daripada tiga dekad yang lalu. Separuh tahun 2022 sudahpun berlalu dan Malaysia juga telah memasuki pasca-pandemik Covid-19, apakah kesudahannya dengan pengambilan pekerja OKU di sektor awam Malaysia?

Sistem Latihan Vokasional Aliran Perdana: Peluang Pekerjaan OKU Pasca- Covid-19

Latihan kemahiran vokasional sudah bertapak di Malaysia sejak zaman penjajahan lagi. Secara relatifnya, masyarakat umum masih menjadikan laluan kerjaya ini sebagai pilihan kedua. Namun, komuniti OKU secara umumnya percaya bahawa kemahiran vokasional merupakan sumber utama bagi mereka untuk mencari rezeki hidup. Oleh hal yang demikian, kerajaan boleh memanfaatkan peluang ini untuk memperkasakan peluang pekerjaan untuk golongan ini melalui latihan vokasional aliran perdana yang sedia ada.

Menurut Unit Perancangan Ekonomi (2015, p. 1-13) di Jabatan Perdana Menteri, kira-kira 60% pekerjaan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 memerlukan kemahiran vokasional atau kemahiran yang berkaitan dengan vokasional. Kemampuan penawaran pekerjaan bidang vokasional bertambah baik apabila Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (2015) juga menunjukkan bahawa peningkatan peluang pekerjaan sebanyak 1.3 juta pada tahun 2020 untuk pelajar yang berkelulusan vokasional. Latihan vokasional aliran perdana turut mendapat perhatian dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Pada 3 Ogos 2021, Malaysia telah melancarkan Dasar Revolusi Industri 4.0 (4.0 IR). Perkembangan ini akan menyaksikan sektor ekonomi negara kita bakal melalui satu anjakan paradigma di mana kegiatan pengeluaran yang berorientasikan teknologi tinggi akan diberikan keutamaan. Selain itu, pada 3 Februari 2022, Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri telah ditubuhkan. Sebanyak RM6.6 bilion telah disediakan dalam belanjawan 2022 untuk perkembangan sektor pendidikan vokasional di Malaysia (Suliaty Asri, 1 November 2021). Perkembangan ini akan menyaksikan kewujudan peluang pekerjaan yang luas bagi bidang tersebut.

Kerajaan berusaha untuk menangani masalah kenaikan kos hidup pasca-pandemik Covid-19 dengan memastikan tenaga kerja Malaysia dilengkapi dengan kemahiran yang relevan untuk 4.0 IR. Salah satu strategi yang diambil adalah melalui sistem pendidikan latihan vokasional yang mantap. Namun, satu persoalan yang harus dibangkitkan di sini ialah "Adakah usaha-usaha murni ini mengambil kira penglibatan belia kurang upaya"? Di bawah payung "Keluarga Malaysia", kita percaya bahawa golongan yang terpinggir ini wajar diberi peluang yang sama untuk melalui pendidikan latihan vokasional yang dijangka akan berkembang pesat di bawah Badan Koordinasi TVET yang baru ditubuhkan.

Terdapat beberapa justifikasi untuk menyokong hujah bagi penglibatan belia kurang upaya dalam latihan vokasional aliran perdana yang disediakan oleh kerajaan. Pertama, ia merupakan hak golongan ini untuk memperoleh pendidikan berkualiti di bawah garis panduan yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jika kerajaan boleh menyediakan latihan vokasional yang berkualiti untuk belia yang sempurna dari segi fizikal, apa salahnya merangkumi belia kurang upaya sekali? Jangan kita lupa bahawa belia kurang upaya juga merupakan pembayar cukai dan ia merupakan golongan yang mampu menyumbangkan tenaga kepada pembangunan tanah air yang tercinta ini. Kedua, mereka berpotensi dan jika diberi peluang untuk menimba pengetahuan dan mempelajari kemahiran yang relevan untuk permintaan pasaran buruh semasa, mereka pasti boleh berganding bahu dengan belia lain untuk menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara dalam era 4.0 IR ini.

Tambahan pula, dengan penglibatan belia kurang upaya dalam anjakan paradigma sistem pendidikan latihan vokasional aliran perdana, mereka boleh hidup berdikari. Lantasnya, kita bukan sahaja dapat menangani masalah pengangguran yang menghantui masyarakat kurang upaya selama ini, bahkan kita dapat mengurangkan beban kehidupan golongan tersebut. Peningkatan sosioekonomi belia kurang upaya membolehkan pengurangan peruntukan kebajikan tahunan daripada kerajaan. Penjimatan peruntukan ini boleh diagihkan semula kepada institusi-institusi latihan vokasional aliran perdana yang memerlukan, terutamanya yang akan mengendalikan kursus untuk komuniti OKU.

Kebaikan Penglibatan Belia OKU Dalam Institusi-institusi Latihan Vokasional Aliran Perdana

Penyertaan belia OKU dalam institusi-institusi latihan vokasional aliran perdana dapat mengatasi masalah sosialisasi antara komuniti OKU dan komuniti umum. Pemahaman dan semangat kerjasama yang terjalin semasa proses pembelajaran akan membolehkan golongan terpinggir ini menyesuaikan diri dalam masyarakat umum. Dengan itu, masalah prasangka antara komuniti umum terhadap komuniti OKU akan terselesaikan. Keadaan ini akan membawa kepada penyelesaian diskriminasi terhadap kemampuan bekerja OKU secara total.

Pendedahan bakal-bakal tenaga kerja OKU di institusi-institusi latihan vokasional aliran perdana juga dapat meningkatkan keyakinan antara masyarakat umum dan golongan yang terpinggir ini. Semangat kepercayaan, penerimaan dan keyakinan masyarakat umum terhadap golongan terpinggir ini akan terbentuk dengan kewujudan interaksi yang rapat antara pihak yang terlibat. Dengan itu, tenaga pekerja OKU akan lebih berkeyakinan bersaing di pasaran buruh yang terbuka. Manakala pasaran buruh yang terbuka akan lebih berkeyakinan untuk menerima kehadiran pekerja OKU. Dalam jangka masa panjang, masalah pengangguran OKU akan terselesaikan. Selain itu, interaksi yang rapat juga memberi manfaat kepada pembentukan masyarakat majmuk.

Institusi-institusi latihan vokasional aliran perdana mampu menghasilkan belia OKU yang memiliki kemahiran dan permintaan tinggi dalam pasaran buruh. Dengan itu, masa depan belia OKU akan lebih terjamin. Peningkatan sosioekonomi golongan yang terpinggir ini akan menyumbang tenaga kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

Kesimpulan

Akhirnya, penglibatan belia kurang upaya dalam latihan vokasional arus perdana boleh membawa banyak manfaat dan ia juga boleh membantu mengisi intipati konsep “Keluarga Malaysia” dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKM 2030) yang telah diwar-warkan oleh kerajaan Malaysia. Justeru, impian Malaysia untuk membina sebuah masyarakat inklusif dan penuh penyayang akan dapat direalisasikan.

Rujukan

- Bernama (12 Oktober 2021). Wujud Pasukan Petugas Kaji Dasar Satu Peratus Pekerja OKU. *Bernama*. Sumber: <https://malaysiandailynews.com/bernama-wujud-pasukan-petugas-kaji-dasar-satu-peratus-pekerja-oku/>
- Economic Planning Unit (2015). Eleventh Malaysia Plan, 2016-2020: Anchoring Growth On People. Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2015). Malaysia Education Blueprint 2015-2025 (Higher Education). Putrajaya: Ministry of Education Malaysia.
- Latifah Arifin (3 Disember 2021). Dasar 1 Peratus Pekerja OKU Jadi KPI Semua Kementerian. *Berita Harian*. Sumber: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/894930/dasar-1-peratus-pekerja-oku-jadi-kpi-semua-kementerian>
- Suliaty Asri (1 November 2021). TVET Terus Diperkasa. *Harian Metro*. Sumber: <https://www.hmetro.com.my/akademia/2021/11/772619/tvet-terus-diperkasa>.

Prepared by:

Lim Tien Hong & Magdalene Ang Chooi Hwa
IPPTN Research Fellow